

RISALAH KETERANGAN PRODUK **BIMB / GROWTH**

TARIKH:

1 SEPTEMBER 2019

PENGURUS:

BIMB INVESTMENT MANAGEMENT BERHAD
(276246-X)

PEMEGANG AMANAH:

MAYBANK TRUSTEES BERHAD
(5004-P)

PERNYATAAN TANGGUNGJAWAB

Risalah Keterangan Produk ini telah disemak dan diluluskan oleh pengarah-pengarah BIMB Investment Management Berhad dan mereka secara bersama dan individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan maklumatnya. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan atau peninggalan fakta lain yang akan menjadikan mana-mana pernyataan dalam Risalah Keterangan Produk ini palsu atau mengelirukan.

PERNYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan BIMB *i* Growth dan salinan Risalah Keterangan Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran bagi BIMB *i* Growth dan serah simpan Risalah Keterangan Produk ini tidak seharusnya dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan BIMB *i* Growth atau bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana pernyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Risalah Keterangan Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ketidakdedahan oleh BIMB Investment Management Berhad yang mana bertanggungjawab terhadap BIMB *i* Growth dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Risalah Keterangan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan tentang ketepatan atau kesempurnaan Risalah Keterangan Produk ini dan menafikan secara nyata apa jua liabiliti yang timbul daripada atau bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.

NOTA: RISALAH KETERANGAN PRODUK INI ADALAH TERJEMAHAN DARIPADA VERSI BAHASA INGGERIS. JIKA TERDAPAT SEBARANG PERBEZAAN KANDUNGAN, RISALAH KETERANGAN PRODUK VERSI BAHASA INGGERIS DIANGGAP MUKTAMAD.

Risalah Keterangan Produk ini hanya menekankan ciri penting dan risiko tentang produk pasaran modal yang tidak tersenarai ini. Pelabur dinasihatkan supaya meminta, membaca dan memahami dokumen-dokumen penzahiran sebelum membuat keputusan untuk melabur.

RISALAH KETERANGAN PRODUK BIMB i GROWTH (Dana)

MAKLUMAT RINGKAS BERKAITAN PRODUK

1. Apakah produk ini?

Kategori Produk	Dana Ekuiti	Jenis Produk	Pertumbuhan agresif
Pengurus	BIMB Investment Management Berhad ("BIMB Invest") (276246-X)	Pemegang Amanah	Maybank Trustees Berhad (5004-P)
Tarikh Permulaan	17 May 1994	Dasar Pengagihan	Disebabkan pengagihan pendapatan adalah objektif kedua Dana, maka pengagihan pendapatan (jika ada) adalah sampingan.
Kekerapan Urus Niaga	Setiap Hari Urus Niaga	Tahun Kewangan Berakhir	30 June
Modal Dijamin	Tidak	Penanda Aras	Indeks FBM Emas Shariah

KESESUAIAN PRODUK

2. Produk ini sesuai untuk siapa?

Profil Pelabur	<p>Sesuai bagi pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ingin memperolehi peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang*. • Mempunyai toleransi risiko yang tinggi • Mempunyai minat terhadap pelaburan jangkamasa panjang. <p><i>*Nota: "jangka sederhana hingga jangka panjang" dalam konteks ini merujuk kepada tiga (3) tahun atau lebih.</i></p>
Profil Risiko Pelabur	Tinggi

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakah pelaburan yang saya buat?

<p>Prinsip Syariah yang Diguna Pakai</p>	<p>i) Pelabur melantik Pengurus untuk mengurus dan melaburkan dana di bawah kontrak Islam “<i>Wakalah Bil Istithmar</i>” atau Agensi untuk Pelaburan.</p> <p>ii) BIMB Invest dilantik untuk menjalankan aktiviti pelaburan bagi pihak pelabur dengan mengenakan fi (“<i>Ujrah</i>”).</p> <p>iii) Pemegang amanah ialah pihak bebas yang melindungi kepentingan pelabur dan memastikan pengurus bertindak menurut surat ikatan dan garis panduan SC</p>						
<p>Objektif Pelaburan</p>	<p>Untuk memperolehi pulangan jangka sederhana dan jangka panjang melalui peningkatan harga dan pengagihan pendapatan.</p> <p>Nota: <i>Peningkatan modal adalah objektif utama manakala pengagihan pendapatan adalah objektif kedua Dana.</i></p>						
<p>Polisi & Strategi Pelaburan</p>	<p>Untuk memenuhi objektif pelaburannya, Dana ini akan memberi tumpuan kepada pelaburan ekuiti (sehingga 98% daripada NAB Dana) yang akan terdiri daripada pelbagai portfolio syarikat-syarikat kukuh, pertumbuhan yang tinggi dan syarikat-syarikat yang membayar dividen yang tersenarai di Bursa Malaysia.</p>						
<p>Peruntukan Aset</p>	<p>i. antara 70% to 98% dari Fund NAB dalam ekuiti; dan</p> <p>ii. antara 2% to 30% dari Fund NAB dalam Sukuk and deposit.</p> <p>Pengurus boleh, menggunakan strategi defensif sementara dengan mengekalkan tahap aset cair/tunai yang lebih tinggi sebagai tindak balas terhadap pasaran, ekonomi, politik dan keadaan lain yang kurang baik. Sekiranya langkah ini diambil, peruntukan aset dana akan diubah dengan sewajarnya.</p>						
<p>Urus Niaga Unit</p>	<table border="1" data-bbox="518 1415 1359 1563"> <thead> <tr> <th>Pelaburan Permulaan Minimum*</th> <th>Pelaburan Tambahan Minimum*</th> <th>Amaun Pegangan Minimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM500</td> <td>RM100</td> <td>100 Unit</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Pengurus mempunyai budi bicara untuk menerima jumlah yang lebih rendah daripada yang dinyatakan di atas sekiranya difikirkan patut oleh Pengurus.</p>	Pelaburan Permulaan Minimum*	Pelaburan Tambahan Minimum*	Amaun Pegangan Minimum	RM500	RM100	100 Unit
Pelaburan Permulaan Minimum*	Pelaburan Tambahan Minimum*	Amaun Pegangan Minimum					
RM500	RM100	100 Unit					
<p>Pembelian Unit</p>	<p>Pembelian boleh dibuat di pejabat BIMB Invest atau di mana-mana saluran pengedaran.</p> <p>Berikut merupakan dokumen/borang yang perlu disertakan untuk pembelian unit:</p> <p><u>Pelabur Korporat:</u></p> <p>i. Borang permohonan.</p> <p>ii. Borang penilaian kesesuaian pelabur (jika perlu).</p>						

- iii. Sijil pendaftaran perniagaan, memorandum dan tatauus syarikat atau perlembagaan, Borang 49 atau notis di bawah Seksyen 58 Akta Syarikat 2016, Borang 24 atau pulangan bahagian di bawah Seksyen 78 Akta Syarikat 2016, Borang 44 atau notis di bawah Seksyen 46 Akta Syarikat 2016 yang disahkan benar, resolusi lembaga pengarah yang meluluskan pelaburan, senarai penandatanganan yang diberi kuasa dan spesimen tandatangan. Untuk syarikat-syarikat luar negara, amanah, perusahaan dan yayasan, sila hubungi Pengurus atau pengeluar yang terbabit untuk maklumat lanjut mengenai dokumen tambahan diperlukan jika ada.
- iv. Cara pembayaran – cek, draf bank, auto debit, pemindahan telegrafik (TT), sebagainya. Bayaran melalui cek, draf bank, auto debit, TT hendaklah dilakukan di atas nama “BIMB Investment Management Berhad (*i-Growth*)”. Sila sertakan bukti pembayaran seperti surat daripada bank/pemindahan dana atau slip deposit.
- v. Maklumat akaun matawang asing untuk pelaburan di dalam matawang selain daripada RM.
- vi. Untuk pelaburan melalui saluran pengedaran, sila rujuk kepada saluran pengedaran berkenaan untuk pendaftaran dan prosedur pembayaran.
- vii. Borang FATCA dan CRS.

Pelabur Individu:

- i. Borang permohonan.
- ii. Borang penilaian kesesuaian pelabur.
- iii. Salinan kad pengenalan, sijil kelahiran (jika pemohon bersama di bawah umur) yang disahkan benar.
- iv. Cara pembayaran – cek, draf bank, auto debit, pemindahan telegrafik (TT), sebagainya. Bayaran melalui cek, draf bank, auto debit, TT hendaklah dilakukan di atas nama “BIMB Investment Management Berhad (*i-Growth*)”. Sila sertakan bukti pembayaran seperti surat daripada bank/pemindahan dana atau slip deposit.
- v. Borang FATCA dan CRS.
- vi. Untuk pelaburan melalui saluran pengedaran, sila rujuk kepada saluran pengedaran berkenaan untuk pendaftaran dan prosedur pembayaran.

Pelabur tidak dibenarkan membuat bayaran tunai kepada mana-mana ejen individu atau dibankkan ke akaun ejen individu apabila membeli Unit Dana

4. Dengan siapakah saya melabur?

Pengurus	BIMB Investment Management Berhad (“BIMB Invest”)
Profil Korporat Pengurus	BIMB Invest ialah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad. BIMB Invest, syarikat pengurusan dana Islam berlesen, diperbadankan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994. BIMB Invest telah berkecimpung dalam industri unit amanah lebih daripada 25 tahun.
Pemegang Amanah	Maybank Trustees Berhad
Peguam Cara	Wei Chien & Partners
Juruaudit	KPMG Desa Megat PLT
Penasihat Cukai	KPMG Tax Services Sdn. Bhd.

**Jawatankuasa
Syariah**

- i. Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon
- ii. Prof. Madya Dr. Asmak binti Ab. Rahman
- iii. Dr. Azrul Azlan bin Iskandar Mirza

5. Apakah hasil yang mungkin diperoleh daripada pelaburan saya?

Pelabur mungkin mendapat perolehan daripada kenaikan harga unit hasil kenaikan nilai asas dan/atau akruan keuntungan yang diperoleh.

Walau bagaimanapun, pelaburan melibatkan risiko. Nilai bagi Dana dan pengagihannya (jika ada) boleh naik atau turun. Faktor risiko ini, antara lain, boleh menyebabkan anda kehilangan sebahagian atau semua pelaburan anda.

FUND PERFORMANCE**6. Purata jumlah pulangan bagi tahun berakhir 30 Jun:-**

	1-Tahun	3-Tahun	5-Tahun
BIMB i Growth	-13.65%	0.52%	-4.38%
Penanda Aras	0.33%	0.08%	-1.87%


7. Jumlah pulangan tahunan bagi 5 tahun yang lepas berakhir 30 Jun:-

Tahun	BIMB i Growth	Penanda Aras
2019	-13.65%	0.33%
2018	-7.97%	-5.69%
2017	27.79%	5.94%
2016	-15.81%	-0.87%
2015	-8.67%	-8.80%

Nota:

1. **Jumlah Pulangan Dana** telah disahkan oleh Novagni Analytics & Advisor Sdn. Bhd. (363145-W).
2. **Jumlah Pulangan Purata** adalah berpandukan formula berikut:
$$= \frac{\text{Jumlah Pulangan}}{\text{Bilangan Tahun Bawah Kajian}}$$

8. Prestasi Dana dan penanda aras bagi tempoh yang berikut:-



9. Peruntukan Aset

Pada 30 Jun	2017	2018	2019
Ekuiti	97.41%	87.71%	77.23%
Sukuk	-	-	-
Tunai + Pasaran Wang	2.59%	12.29%	22.77%

Pendedahan ekuiti dana telah berkurang daripada 87.71% pada 30 Jun 2018 kepada 77.23% pada 30 Jun 2019 bagi mengurangkan risiko pelaburan daripada pasaran ekuiti domestik.

10. Nisbah Perolehan Portfolio (PTR)

Bagi Tahun Berakhir 30 Jun	2017	2018	2019
BIMB i Growth (kali)	0.90	2.84	1.77

PTR Dana telah berkurang daripada 2.84 kali bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018 kepada 1.77 kali bagi tahun kewangan berakhir 2019 disebabkan oleh aktiviti jual beli yang telah berkurang.

PTR dikira seperti yang berikut:-

$$\text{PTR} = \frac{\text{[Jumlah pembelian Dana bagi tahun berkenaan + Jumlah penjualan Dana bagi tahun berkenaan]} / 2}{\text{Purata nilai asset bersih Dana bagi tahun kewangan yang dikira secara harian}}$$

11. Pengagihan Pendapatan

	2017	2018	2019
Pengagihan kasar seunit (sen)	Tiada	Tiada	Tiada
Pengagihan bersih seunit (sen)	Tiada	Tiada	Tiada

SEJARAH PRESTASI KEWANGAN DANA

12. Ekstrak penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun

	2017 RM	2018 RM	2019 RM
Jumlah Pendapatan Pelaburan	8,610,649	(2,434,928)	(3,801,022)
Jumlah Perbelanjaan	566,534	683,708	546,366
Jumlah Pendapatan Sebelum Cukai	8,044,115	(3,118,636)	(4,347,388)
Jumlah Pendapatan Selepas Cukai	8,044,115	(3,118,636)	(4,324,148)

13. Ekstrak penyata kedudukan kewangan yang telah diaudit setakat 30 Jun

	2017 RM	2018 RM	2019 RM
Jumlah Pelaburan	34,757,477	30,707,133	21,234,445
Jumlah Lain-Lain Aset	1,037,425	4,378,586	6,334,897
Jumlah Aset	35,794,902	35,085,719	27,569,342
Jumlah Liabiliti	112,140	75,396	74,297
Modal Pemegang Unit/NAB	35,682,762	35,010,323	27,495,045

14. Nisbah Pengurusan Perbelanjaan (MER) Dana bagi tiga (3) tahun kewangan yang lepas ditunjuk seperti di bawah:-

Fund	2017	2018	2019
BIMB i Growth (%)	1.75	1.80	1.69

MER Dana dikira seperti yang berikut:-

$$\text{MER} = \frac{\text{Fi Dana} + \text{perbelanjaan Dana} \times 100}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana bagi tahun berkenaan yang dikira secara harian}}$$

15. Jumlah perbelanjaan tahunan ditanggung oleh dana bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019

Fund	Fi Pengurusan		Fi Pemegang Amanah		Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		Jumlah Perbelanjaan Tahunan	
	RM	%*	RM	%*	RM	%*	RM	%*
BIMB i Growth	483,920	1.50	19,357	0.06	43,089	0.13	546,366	1.69

* Peratusan yang ditunjukkan adalah sebagai peratusan daripada purata NAB dikira setiap hari

PRESTASI MASA LEPAS DANA BUKAN PETUNJUK PRESTASI MASA HADAPAN.

RISIKO UTAMA

16. Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan produk ini?

Anda terdedah kepada risiko berikut:

- i. Risiko Sekuriti Tertentu** – Risiko sekuriti tertentu merujuk kepada risiko melabur dalam mana-mana sekuriti tertentu. Risiko sekuriti tertentu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tindakan guaman, persekitaran operasi yang bersaing, kemerosotan keuntungan dan salah urus syarikat tertentu yang menerbitkan sekuriti. Risiko sekuriti tertentu boleh mengakibatkan harga sekuriti menurun dan seterusnya menyebabkan NAB Dana menurun. Risiko ini boleh dikurangkan melalui analisis sekuriti yang dilakukan oleh Pengurus.
- ii. Risiko Kredit/Kegagalan Membayar** – Risiko ini berlaku apabila penerbit Sukuk gagal membuat pembayaran berkalanya, iaitu pembayaran kadar untung dan/atau pembayaran jumlah pokok apabila tiba masanya. Dalam kes-kes sedemikian, pelabur akan mengalami kerugian yang besar. Risiko ini dapat dikurangkan dengan melabur dalam Sukuk yang mempunyai nilai kredit minimum AA3 daripada RAM atau AA- daripada MARC atau nilai kredit yang bersamaan daripada agensi penilaian kredit yang lain, atau nilai kredit jangka pendek minimum P1 daripada RAM atau MARC -1 daripada MARC atau nilai kredit yang bersamaan daripada agensi penilaian kredit yang lain. Risiko ini juga boleh dikurangkan melalui analisis kredit yang dilaksanakan Pengurus untuk menentukan kemampuan penerbit Sukuk untuk membuat bayaran-bayaran yang dijanjikan.
- iii. Risiko Kadar Untung/ Faedah** – Secara umum, perubahan pada tahap kadar faedah am* boleh menyebabkan harga Sukuk berubah secara songsang. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melabur dalam Sukuk sehingga ia matang, dan dengan itu meraih hasilnya. Pengurus juga mengurus risiko kadar untung/faedah dengan mempertimbangkan kepekaan setiap Sukuk terhadap perubahan untung/kadar faedah seperti yang diukur melalui tempohnya.

**Nota: Istilah kadar faedah tidak sama sekali mencadangkan bahawa Dana akan melabur dalam sekuriti atau instrumen yang tidak mematuhi Syariah. Semua pelaburan yang dibuat untuk Dana adalah menurut prinsip-prinsip Syariah.*
- iv. Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah** – Risiko ini merujuk risiko sekuriti patuh Syariah yang dipegang pada masa ini yang tersenarai di Bursa Malaysia (contohnya syer biasa, waran dan hak langganan boleh pindah milik) dalam portfolio Dana yang boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah dalam kajian semula sekuriti patuh Syariah yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) SC dari semasa ke semasa. Jika ini berlaku, Pengurus akan bertindak menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh SAC bagi memastikan Dana mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Pengurus juga mempunyai satu Jawatankuasa Syariah dalaman yang bermesyuarat sekali setiap suku tahun untuk memberi bimbingan dan nasihat dalam memastikan pelaburan Dana dijalankan mengikut kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip Syariah.
- v. Risiko Rakan Niaga** – Risiko rakan niaga merujuk kepada risiko dengan mana-mana institusi kewangan yang berurusan dengan Dana, dalam keadaan tertentu, gagal untuk

melaksanakan tanggungjawabnya apabila sampai tempoh masa. Ini akan mengakibatkan Dana mengalami kerugian besar.

FI & CAJ

17. Apakah fi dan caj yang terlibat?

Terdapat fi dan caj yang terlibat dan pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan fi dan caj tersebut sebelum melabur dalam Dana.

Jadual ini menerangkan fi dan caj yang mungkin **ditanggung secara langsung** apabila anda membeli atau menebus Unit.

Caj Jualan	Pengurus akan mengenakan caj jualan sehingga 5.00% daripada NAB seunit ke atas jualan unit.	
Caj Penebusan	Pengurus TIDAK akan mengenakan apa-apa fi penebusan ke atas apa-apa urus niaga penebusan.	
Fi Pemindahan Dana	Tiada.	
Fi Pertukaran Dana	Fi pertukaran dana mungkin dikenakan oleh Pengurus seperti yang berikut:-	
	a. Kali pertama	: Tiada
	b. Kali ke-2 dan seterusnya	: RM25 setiap transaksi (Fi pertukaran dana dikecualikan kepada pelabur yang mempunyai pelaburan melebihi RM100,000 dan ke atas dengan BMB Invest).
Pertukaran dana hanya dibenarkan untuk dana-dana yang mempunyai denominasi matawang yang sama sahaja.		

Jadual ini menerangkan fi yang mungkin ditanggung **secara tidak langsung** apabila anda melabur dalam Dana.

Jenis Fi	
Fi Pengurusan	Dana membayar yuran pengurusan tahunan sebanyak 1.5% setahun daripada NAB kepada Pengurus untuk menguruskan Dana. Yuran pengurusan adalah dikira dan diakru secara harian, serta dibayar secara bulanan kepada Pengurus.
Fi Pemegang Amanah	Dana membayar yuran pemegang amanah tahunan sebanyak 0.06% setahun daripada NAB Dana, tertakluk kepada fi minimum RM18,000.00 setahun . Yuran pemegang amanah dikira secara harian dan dibayar secara bulanan kepada Pemegang Amanah.
Perbelanjaan Dana	Perbelanjaan Dana termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • komisen yang dibayar kepada broker; • fi juruaudit; • fi penasihat cukai; • fi penilaian; • fi profesional lain yang berkaitan; • cukai dan duti lain yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain; • fi penjagaan bagi pelaburan asing, jika ada; • kos mencetak dan mengedarkan laporan tahunan dan laporan interim; • kos bagi pengubahsuaian Surat Ikatan selain pengubahsuaian untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah; dan

Jenis Fi	
	apa-apa notis lain kepada Pemegang Unit serta perbelanjaan yang berkait secara langsung dan perlu untuk pentadbiran Dana, seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan.
Lain-lain	<p>Dalam menjalankan urus niaga, caj tertentu mungkin harus ditanggung. Pelabur perlu menanggung caj urus niaga tersebut, contohnya, caj bank, caj telegraf, caj kurier dan GST (mana-mana yang berkaitan).</p> <p>Pengurus berhak mengubah syarat tersebut dari semasa ke semasa, yang akan dimaklumkan kepada pelabur secara bertulis.</p>

Note:

- ***Pengurus boleh, atas apa-apa sebab dan pada bila-bila masa, mengetepikan atau mengurangkan amaun apa-apa fi atau caj yang perlu dibayar oleh Pemegang Unit berhubung dengan Dana.***
- ***Fi-fi diatas adalah tertakluk kepada cukai kerajaan atau apa cukai jualan atau levi lain yang serupa yang akan dibayar oleh Pemegang Unit***

PENILAIAN DAN PENARIKAN DARIPADA PELABURAN

18. Berapa kerapkah penilaian dilakukan?

Penilaian dana dilakukan di penghujung setiap Hari Urus Niaga. Sebagai kaedah penetapan harga yang digunakan untuk Dana ini, sebarang permintaan yang diterima pada atau sebelum 4.00 petang (Waktu Malaysia) pada mana-mana Hari Urus Niaga, akan diproses berdasarkan NAB seunit pada akhir Hari Urus Niaga tersebut yang akan dikira pada T + 1.

Pemegang unit boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan Dana daripada laman web BIMB di <https://www.bimbinvestment.com.my>.

19. Bagaimanakah saya boleh menarik diri daripada pelaburan ini dan apakah risiko dan kos yang terlibat?

- Anda boleh menarik diri daripada Dana dengan menebus pelaburan anda dalam Dana pada bila-bila masa dengan hanya melengkapkan borang permohonan penebusan dan menghantarnya kepada Pengedar dibenarkan/perunding yang dibenarkan atau terus kepada pengurusan pelaburan BIMB Berhad.
- Had masa bagi urus niaga penebusan adalah pada atau sebelum jam 4.00 petang pada mana-mana hari urus niaga. Apa-apa permohonan penebusan yang diterima selepas tempoh tamat akan dianggap sebagai diterima pada hari urus niaga berikutnya. Permintaan penebusan tersebut dianggap diterima dan akan menjadi tidak boleh ditarik balik jika semua dokumen dan borang yang diterima oleh Pengurus adalah benar dan lengkap.
- Tempoh bertenang selama enam (6) Hari Perniagaan dari tarikh Pengurus menerima pelaburan diberikan kepada pelabur yang melabur dengan BIMB Invest untuk kali pertama.
- Anda akan dibayar balik bagi setiap unit yang dipegang berdasarkan NAB seunit pada hari unit telah dibeli dan caj jualan (jika ada) dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan permohonan bertenang.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

19. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

Anda boleh menghubungi kami di alamat berikut:

i. BIMB Investment Management Berhad

Aras 19, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2161 2524 / 03-2161 2924
Faks : 03-2161 2464
E-mel : marketing.bimbinvest@bankislam.com.my
Laman Web : <https://www.bimbinvestment.com.my>
Nombor Bebas Tol : 1800-88-1196

ii. Cawangan

<u>JOHOR BAHRU</u> No 33B, Jalan Indah 15/2, Taman Bukit Indah, 79100 Nusajaya, Johor. Tel : 07-239 5608 Fax : 07-239 5609	<u>KELANTAN</u> PT 433 & 434 Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan. Tel : 019-940 0798
--	---

iii. Pejabat Agensi

<u>KUANTAN</u> No 205, Tingkat 2, Bangunan Mahkota Square, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang. Tel : 019 - 976 2067	<u>QASHRINA AGENCY, MELAKA</u> SU 1447, Tingkat 1, Taman Masjid Tanah Ria Utama, 78300 Masjid Tanah, Melaka. Tel : 06 - 385 1076	<u>FAREED AGENCY, SELANGOR</u> No 19-1 Medan Bukit Indah 4, Taman Bukit Indah, 68000 Ampang, Selangor. Tel : 03 - 4295 7388
--	--	--

iv. Cawangan Bank Islam yang terdekat

20. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi:-

Jabatan Rangkaian & Pengagihan Maklum Balas

Tingkat 18, Menara Bank Islam,
No.22 Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
Faks : 03-2782 1337

21. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC):

melalui telefon di : 03-2282 2280
melalui faks ke : 03-2282-3855
melalui emel ke : info@sidrec.com.my
melalui surat kepada : Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC)
Unit A-9-1, Level 9, Menara A,
Menara UOA Bangsar,
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1,
59000 Kuala Lumpur

22. Anda juga boleh mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan Suruhanjaya Sekuriti:

melalui telefon di Talian Utama Aduan : 03-6204 8999
 melalui faks ke : 03-6204 8991
 melalui e-mel ke : aduan@seccom.com.my
 melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : www.sc.com.my
 Melalui surat kepada : Consumer & Investor Office
 Securities Commission Malaysia,
 No 3 Persiaran Bukit Kiara,
 Bukit Kiara,
 50490 Kuala Lumpur

22. Biro Pengaduan Federation of Investment Managers Malaysia (FiMM):

melalui telefon di Talian Utama Aduan : 03-2092 3800
 melalui faks ke : 03-2093 2700
 melalui e-mel ke : complaints@fimm.com.my
 Melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : www.fimm.com.my
 Melalui surat kepada : Legal, Secretarial & Regulatory Affairs
 Federation of Investment Managers Malaysia
 19-06-1, Tingkat 6, Wisma Tune,
 No. 19, Lorong Dungun,
 Damansara Heights,
 50490 Kuala Lumpur

LAMPIRAN: GLOSARI

“Hari Urus Niaga”	Hari di mana Bursa Malaysia dibuka untuk dagangan
“Surat Ikatán”	Surat Ikatán bertarikh 25 Mac 2019 berkenaan dengan Dana dan lain-lain Surat Ikatán tambahan yang boleh dimeterai di antara pengurus dan Pemegang Amanah
“Dana”	BIMB / Growth
“Jangkamasa Sederhana”	Tempoh diantara 3 dan 5 tahun
“Jangkamasa Panjang”	Bermaksud tempoh lebih daripada lima (5) tahun
“NAB”	Nilai Aset Bersih
“SC”	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
“Unit”	Unit Dana
“Pemegang Unit/Pelabur”	Orang yang berdaftar sebagai pemegang Unit Dana dan yang namanya tercatat dalam daftar Pemegang